

## **Seni Cetak Dulu dan Kini dalam Perkembangan Seni Rupa di Malaysia**

### **Rosiah Md. Noor**

Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjung Malim, 35900 Perak, Malaysia.  
rosiah65@yahoo.com

### **Mohd Zahuri Khairani (Dr)**

Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjung Malim, 35900 Perak, Malaysia.  
zahuri@fskik.upsi.edu.my

### **Mohd Azhar Abd Manan**

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka  
Universiti Teknologi MARA  
Shah Alam, 40450 Selangor, Malaysia.  
azharmanan@yahoo.com

## **ABSTRAK**

Seni cetak adalah salah satu daripada disiplin seni halus selain lukisan, catan dan arca. Seni halus yang juga disebut seni rupa moden di Malaysia berkembang sejajar dengan perkembangan teknologi yang berkaitan dengan latarbelakang sejarah tanahair. Walaupun sejarah seni rupa moden di Malaysia dikatakan bermula dalam dekad 1930an, seni cetak di Malaysia telah dihasilkan lebih awal sekitar 1540an pada zaman penjajahan Portugis dalam bentuk ilustrasi kesan daripada teknologi media komunikasi dan penerbitan. Teknologi seni cetak dahulu lebih bersifat konvensional kerana terikat dengan kaedah tradisi yang telah ditetapkan. Jauh berbeza dengan seni cetak masa kini yang semakin bebas pengolahan bentuk dan gaya hasil pengaruh daripada teknologi dunia tanpa sempadan. Perbandingan ini memberi input terhadap perkembangan seni cetak yang kurang disentuh dalam pensejarahan seni rupa tanahair. Selain itu, usaha menjustifikasi disiplin seni cetak di Malaysia adalah antara tujuan kajian ini dijalankan. Kertas kerja ini menjurus kepada kaedah kajian terhadap sejarah seni rupa Malaysia bagi meninjau seni cetak ‘dahulu’ manakala seni cetak ‘kini’ adalah melalui tinjauan terhadap pameran-pameran seni rupa semasa oleh galeri-galeri seni terkenal di Malaysia. Hasil tinjauan kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan bermakna terhadap bidang seni cetak yang semakin terpinggir dalam arus teknologi seni rupa kontemporari Malaysia.

**Kata Kunci:** Seni Rupa, Seni Cetak, Konvensional, Kontemporari.

## PENDAHULUAN

Seni cetak merupakan salah satu cabang seni halus atau seni rupa yang mempunyai media dan tekniknya yang tersendiri. Selain seni catan, lukisan dan arca, seni cetak juga mempunyai hubungannya dengan perkembangan sejarah dan budaya seni visual di Malaysia. Perkembangan seni cetak negarabukan sesuatu yang baru namun bidang ini didapati kurang popular kerana seni catan sentiasa mendominasi dalam sebarang aktiviti seni rupa tanahair sejak dahulu. Namun hasil daripada faktor pendidikan seni cetak mula diperaktiskan oleh artis-artis tempatan sekitar tahun 50an dan 60an. Pendedahan kepada ilmu seni cetak di luar negara telah mendorong mereka menghasilkan seni cetak walaupun disiplin ini bagi kebanyakan artis adalah bersifat sampingan berbanding catan(Mulyadi, 2003).

Artis terkenal yang khusus dan setia berkarya dalam bidang seni cetak tidak ramai, antaranya adalah Long Tien Shih, Johari Said, Ilse Noor, Ibrahim Mansor dan Loo Foh Sang. Mereka aktif berkarya sehingga kinikerana kebanyakan mereka mempunyai studio khas yang membolehkan mereka mempraktiskan kaedah konvensional dalam penghasilan seni cetak. Studio ini memerlukan peralatan yang khusus dengan perbelanjaan yang besar (Long, 1992; Mulyadi, 2003; Phillips, 2004; A.Rahman,2010). Kos kelengkapan studio seni cetak dikatakan antara faktor kekurangan artis seni cetak yang khusus dalam disiplin ini (Long, 1992). Kengkangan oleh masa dan tenaga dalam penghasilan karya seni cetak juga dikatakan menjadi faktor kekurangan karya seni cetak dihasilkan (Ponirin, 1996; Mulyadi, 2003).

Keterikatan dengan prosidur dan proses seperti cetakan edisi juga dikatakan menyekat kebebasan eksplorasi yang sering ditekankan dalam menjana karya yang bersifat kontemporari.Seni rupa kontemporari sering menggunakan pendekatan media campuran yang membolehkan artis mengekplorasi dan bereksperimentasi dengan pelbagai media dan teknik.Ledakan teknologi komputer dan fotografi mempengaruhi karya-karya sezaman melangkaui pelbagai disiplin seni di seluruh dunia.Media seni cetak konvensional turut menerima perubahan yang menyaksikan pelbagai terma baru muncul dan mempopularkan bidang ini. Di Malaysia, dapat dibuktikan sejak tahun 1980an terdapat artis tempatan yang telah mengolah media seni cetak menjurus kepada terma-terma saranan seni cetak kontemporari.Sekitar tahun 1990an hingga kini media seni cetak masih kerap diaplikasi namun ianya berdiri sebagai karya media campuran atau ditafsirkan sebagai catan atau arca. Menerusi kaedah observasi dan analisa umum, kertas kerja ini cuba menyingkap secara ringkas perkembangan seni cetak serta melihat potensi karya artis-artis tempatan yang boleh dihubungkan dengan terma-terma seni cetak kontemporari.Skop kajian hanya berkisar kepada buku-buku sejarah seni tempatan, buku-buku seni cetak antarabangsa dan katalog-katalog pameran khas seni cetak dari galeri seni utama tanahair yang mudah diperolehi. Perkara ini mungkin menjadi limitasi kepada kajian yang lebih terperinci dan menyeluruh.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Seni Cetak Tradisional**

Seni Cetak menurut Lazzari (2008:61) adalah “Printmaking includes any medium that can be produce multiple copies of an image or a design through a specific process”. Seni cetak juga melibatkan sesuatu proses yang dapat menghasilkan ulangan imej asli yang dipindahkan daripada satu permukaan yang disebut “Matrix” kepada permukaan yang lain dipanggil “Substrate”(Ragan, 1995:11). Karya seni cetak juga boleh terdiri daripada cetakan tunggal seperti monotype dan monoprint selain daripada hasil secara berulang dengan kualiti yang sama disebut sebagai edisi (Ayres, 1991; Simmons, 2002; Phillips, 2004).

Bentuk seni cetak tradisional atau konvensional adalah bersifat dua dimensi dengan penggunaan kertas sebagai bahan utama ‘substrate’. ‘Matrix’ atau bahan perantara bagi seni cetak bergantung kepada jenis media seni cetak seperti cetakan timbulan, intaglio, litografi, ‘monotype’ dan sutera saring yang mana mediumnya lebih spesifik kepada teknik dan proses tertentu seperti medium cungkilan kayu dan potongan lino bagi media cetakan timbulan, manakala kategori dalam media intaglio seperti medium gurisan asid, ‘drypoint’ dan ‘aquatint’ (Simmons, 2002; Phillips, 2004; Lazzari (2008). Artis seni cetak menghasilkan dan menentukan semua proses seni cetak adalah di bawah pengaruh dan kehendak mereka. Definisi ini bagi membezakan disiplin seni cetak yang dianggap karya cetakan asli (original print) berbanding dengan proses cetakan lain seperti pendua (copy), cetakan untuk tujuan reproduksi, komersial atau komunikasi semata-mata(Stobart, 2001).

Namun demikian, istilah seni cetak asli yang telah kukuh dan mantap diterima pakai dalam sekitar tahun 1950an mula dicabar oleh perkembangan teknologi fotografi dan komputer. Sehingga tahun 1960an di Amerika dan sekitar 1990an seluruh dunia menyaksikan invensi digital mempengaruhi tindakan terhadap aspek teknikal dan proses dalam seni cetak (Phillips, 2004). Malah turut menjasaskan tata bahasa seni cetak sedia ada.

### **Seni Cetak Kontemporari**

Perkembangan teknologi menurut Dawson (2004) dan Coldwell (2010), sama ada teknologi ringkas atau kompleks adalah seiring dengan perubahan zaman yang menyumbang kepada perkembangan seni cetak sezaman. Bagi kebanyakan artis cara bagaimana teknologi baru dan lama bersaing dalam era kontemporari merupakan perubahan yang dinamik dalam memilih atau mengabungkan teknologi tersebut. Maka lahir istilah baru daripada praktis ini seperti seni cetak digital, seni cetak hybrid dan seni cetak campuran sebagaimana definisi berikut;

*“Digital Printmaking... .a print which has been created all or in part using digital equipment (Simmons, 2002:38).The latest technology for both creating and producing prints involves many digitally-driven processes. The matrix of a digital print can produce as many copies as required to the exact same standard...”*(Phillips, 2004:38).

*“Hybrid Printmaking....a combination of traditional printmaking techniques with photographic or computer imaging”(Simmons,2002:62; Phillips,2004:47).*

*“Mixed media Printmaking is two or three different print techniques in the same print(Phillips, 2004:61).*

Seni cetak 3-Dimensi pula menurut Dawson, (2004) boleh dibentuk dengan kaedah samada mencetak di atas objek 3D atau mencetak di atas 2D yang kemudian dilipat, dijahit, digantung, disusun berulang atau mencetak terus menjadi objek 3D melalui cetakan acuan dan emboss.“The contemporary artist makes used of traditional techniques to make work which becomes 3-D objects or installations and even moving image pieces and animations. Artists have allowed themselves to leave the conventions of printmaking behind and have dared to do the unthinkable to prints or to print on unconventional surfaces, which has resulted in their work developing in different ways”(Tala, 2009:8).

Beberapa istilah lain turut popular seperti seni cetak alternatif dan “extended printmaking”. Menurut kamus Oxford(2011:23), perkataan alternatif bermaksud, “what you can do or use instead of something else, different to what is usual or traditional”. Dalam disiplin seni cetak, alternatif adalah pilihan lain bagi bahan, alat, mahupun cara persempahan diberi pendekaan baru.

Begitu juga dengan istilah “Extended printmaking” yang merujuk kepada tindakan melangkaui kebiasaan tradisi seni cetak sebagaimana penjelasan oleh Bonnell (2008:104) bahawa, “Extended printmaking is an approach to printmaking that expands a practice beyond the limits of the press size, the types of materials used to construct a print work and the final scale of that work. It may result in a one-off work or in multiple works, in printed canvases or print on found objects, clothes, textiles, even walls, or in other unconventional uses of printmaking”.

Perkembangan dalam disiplin seni cetak,menurut Noyce (2010), turut menarik ramai artis seni rupa menggunakan medium ini dalam praktis seni mereka samada mengembangkan medium tersebut dalam kontek baru mahupun membuat pengabungan. Bagi kebanyakan artis seni cetaksezaman, menerima perubahanakan memperluaskan pengucapan seni yang lebih mengutamakan idea dan isu sertabertindakbalas dalam kontek globalisasi (Tala, 2009).

## **Seni Cetak di Malaysia Sebelum Merdeka**

Sejarah awal seni cetak di Malaysia dapat dikesan sejak era penjajahan Barat. Pihak penjajah menghasilkan cetakan gurisan bagi merekod dan mendokumentasi lokasi, peristiwa, potret dalam bentuk ilustrasi seperti wajah pembesar dan peta Kota Melaka dalam tahun 1542 dan terbitanmanuskrip ‘Malacca L’inde Meridionale’ pada 1882(Ahmad Suhaimi, 2008).Penerbitan keluaran tempatan pula dapat dikesan menerusi majalah ‘The Indo-Chinese Gleaner’ sekitar 1819, mengandungi ilustrasi hasil seni cetak kayu yang berasal daripada lukisan Munsyi

Abdullah. Seterusnya Abdullah Ariff telah menghasilkan karya ‘Penang Glorious Holidays Abroad’(1935) sebuah poster cetakan skrin sempena kempen melawat Pulau Pinang. Beliau juga telah menghasilkan pelbagai ilustrasi cetakan lino untuk majalah terbitan Anglo-Chinese School (A.C.S) sekitar 1936 (Long, 1993). Masalah perperangan revolusi di Negara China telah membawa kaedah dan teknik medium cungkilan kayu gaya “Creative Print Movement” yang berunsur propaganda revolusi oleh beberapa artis cina yang berhijrah ke Singapura sekitar 1930an. Mereka telah menubuhkan “The Society of Chinese Artists” pada 1936 dan Akademi Seni Halus Nanyang pada 1938 (Sarah, 2012). Akademi ini adalah Institusi Seni rupa yang terawal ditubuhkan di Tanah Melayu yang membentuk pendidikan formal termasuk memperkenalkan teknik seni cetak dikalangan pelajar tempatan (Long, 1993; Piyadasa, 2000).

Kaedah cungkilan kayu teknik hitam-putih digunakan bagi mengambarkan suasana realiti kehidupan masyarakat tempatan yang dipengaruhi oleh seni cetak cina, prinsip-prinsip pelukis Nanyang serta pendekatan seni cetak yang lebih bersifat media komunikasi. Antara contoh karya-karya seni cetak artis Nanyang sebelum merdeka ialah karya bertajuk “Lorong Belakang” (1953) oleh Tan Tee Chie dan “Pertunjukan Boneka” (1955) oleh Lim Mu Hue (BSVN, 2004). Gaya dan tema seni cetak ini sangat berbeza dengan kegiatan media catan pada masa itu yang lebih bertumpu kepada tema lanskap alam semulajadi yang romantik (Mulyadi, 2003).

## **Seni Cetak di Malaysia Pasca Merdeka**

Selepas kemerdekaan ramai artis berpeluang melanjutkan pelajaran dalam bidang seni halus di luar negara. Antaranya adalah Long Thien Shih, Sulaiman Esa, Loo For Sang, Abdul Latiff Mohidin yang telah mendapat pendidikan khusus seni cetak di Atelier 17, Paris dan Lee Kian Seng di Jepun (Long, 1993; Mulyadi, 2003). Pendedahan di luar negara telah mendorong mereka menghasilkan karya seni cetak yang telah memberi sumbangan kepada perkembangan gaya dan tema seni rupa tanahair, walaupun disiplin ini bagi kebanyakkan artis bersifat sampingan berbanding catan (Mulyadi, 2003).

Pengaruh gaya seni rupa barat banyak mempengaruhi karya-karya mereka sehingga era 70an. Pengaruh gaya-gaya barat seperti abstrak, semi abstrak, surealis, kubis dan seni pop kelihatan jelas dengan tema sejagat menggunakan medium konvensi seperti gurisan asid, potongan kayu dan lino, litografi dan sutera saring. Antaranya adalah karya-karya oleh Long Thien Shih, Lee Joo For, Ismail Hashim, Abdul Latiff Mohidin, Ahmad Khalid Yusof, William K.K. Lau. Pengaruh seni Nanyang masih terus diaplikasikan dalam era pasca merdeka seperti karya Seah Kim Joo dan T. K. Karan dengan medium cetakan ‘monotype’ gaya semi abstrak sekitar 1960an. (BSLN, 2004; Mulyadi, 2007).

Walaupun aktiviti berkarya dengan medium seni cetak tidak sepopular catan, terdapat juga pameran khusus seni cetak telah diadakan di Kuala Lumpur iaitu pameran potongan kayu Akademi Nanyang pada 1966 dan pameran gurisan

asid pelukis Atelier 17 Paris pada 1968 (Mulyadi, 2007). Loo For Sang telah mengadakan pameran solonya di Kuantan, Kuala Lumpur dan Singapura pada tahun 1969 walaupun pada ketika itu masih berada di Paris (Clement, 2014). Bidang seni cetak terus hidup apabila beberapa institusi pengajian tinggi tempatan menawarkan pelajaran formal dalam bidang ini. Di antaranya adalah Institut Teknologi MARA (ITM)pada 1967, Universiti Sains Malaysia (USM)pada 1974 dan Maktab Perguruan Ilmu Khas selain kolej swasta seperti 'Central College of Art' dan 'Malaysian Institute of Art' (A. Rahman, 2010).

Penubuhan kumpulan Anak Alam 1974, turut memberi sumbangan awal kepada perkembangan seni cetak tanahair. Abdul Latiff Mohidin banyak memberi pendedahan kepada ahli-ahli kumpulan yang kebanyakannya terdiri daripada self-taught artis. Beliau menyediakan mesin etching yang diubahsuai untuk digunakan. Hasilnya satu pameran seni cetak telah dapat diadakan dalam tahun 1977 dan 1980. Urutan dari itu sebuah bengkel seni cetak dapat ditubuhkan di premis Anak Alam pada 1985 oleh Rahime Harun. Dengan adanya bengkel tersebut, banyak teknik seni cetak dapat dipraktikkan dan pelbagai bahan diuji untuk manfaat ahli-ahli mereka (Juhari Said, 2008; Nur Hanim, 2013).

Penglibatan Rahime Harun turut memberi sumbangan besar dalam perkembangan seni cetak negara. Selain menjadi artis seni rupa yang aktif dengan disiplin seni cetak, beliau adalah seorang promoter, pengurus dan kolektor seni rupa yang berpengaruh (Pakhruddin, 2008). Beliau membantu Anak Alam mengerakkan bengkel seni cetak dan galeri seni sekitar 1980an. Melalui AP studio beliau berjaya membentuk artis-artis muda ketika itu bagimendorong dan memajukan bidang seni cetak Negara (Juhari, 2008, BSLN, 2008).

Pengaruh gaya barat terus diserap dalam karya pada era 70an dan 80an, namun penekanan kepada tema berkaitan isu-isu jati diri dan identiti tempatan telah menjadi idea utama oleh sebahagian besar artis ketika itu apabila Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) dibentuk pada 1971. DKK yang menyarankan tiga konsep penting berkaitan dengan kebudayaan melayu dan peribumi serta Islam yang menjadi unsur penting telah diperkuuhkan lagi melalui Seminar Akar-Akar Peribumi 1979, Pameran 'Rupa dan Jiwa' 1979 dan fenomena kebangkitan Islam sekitar tahun 80an (Mulyadi, 2008).Antara karya yang kelihatan menggunakan media seni cetak dalam menyahut DKK adalah karya Ahmad Khalid Yusof menerusi cetakan sutera saring bertajuk "Alif Ba Ta" (1971), Ponirin Amin "Dalam Sinar Mata Mu" (1978),Raja Azhar Idris "ALLAH" (1980) dan Sulaiman Esa dengan cetakan gurisan asid "Waiting for Godot I" (1977).

Victor Chin pula mengabadikan siri Monumen bangunan bersejarah dengan menggunakan cetakan Lithografi berwarna dalam tahun 1980an dan 1995. Berbeza dengan Ilse Noor yang menghasilkan cetakan gurisan asid bagi siri lanskap bangunan tradisional sekitar tahun 1986,siri "Kris" (1994)dan siri "Samudera" yang berkaitan dengan lagenda kesusasteraan Melayu tradisi (BSLN, 2004).Karya cetakan potongan kayu oleh Juhari Said dilihat meneruskan pengaruh DKK hampir dalam semua siri karya beliau seperti siri Taman, siri Baju Kurung, siri peribahasa dan perumpamaan melayu yang mengarap konsep nilai

keislamam, sosial dan persoalan isu identiti sinis(Mulyadi, 2003).

Pembukaan Balai Seni Lukis Negara (BSLN) pada 1958, memberi lebih banyak peluang dalam menerapkan agenda perpaduan dan membantu artis memajukan diri. Beberapa penganjuran pameran dan pertandingan seni cetak oleh BSLN telah diadakan. Dalam pertandingan Terbuka Seni Lukis dan Cetakan Grafik 1971 anjuran ESSO dan BSLN, Lee Kian Seng memenangi hadiah utama menerusi karya “Of Image Object, Illusion off Series Mechanism” dengan gaya seni Pop menggunakan mediasutera saring. Pertandingan Seni Cetak Kebangsaan 1974 pula, dimenangi oleh Raja Zahabuddin Raja Yaacob dengan karya cetakan sutera saring “Luar dari yang Tidak Diketahui” (1972).

Dalam Salon Malaysia 1978/79, karya Ponirin Amin “Di Pentasmu Nan Sepi” dan karya Ismail Latiff “Lembah Binaan” telah memenangi anugerah Frank Sullivan. Juhari Said “Tiga Cawan Kopi” menggunakan cetakan timbulan, memenangi hadiah utama kategori seni cetak dalam Salon Malaysia 1991/1992 (Mulyadi, 2003). Pertandingan Bakat Muda Sezaman (BMS) telah menobatkan hadiah utama kepada dua artis seni cetak iaitu Lee Kian Seng (“Poker Game”1975) dan Ponirin Amin (“Alibi Catur Di Pulau Bidong”1980) yang dikategorikan sebagai media campuran.

Perkembangan dan kemajuan teknologi fotografi dan komputer di seluruh dunia sejak 1960an turut mempengaruhi karya-karya seni cetak tempatan sekitar 1980an seperti karya cetakan komputer oleh Kamarudzman Md Isa, Ismail Zain, Ponirin Amin, dan Bahaman Hashim. Manakala Ismail Hashim, Yee I-Lann, Narajan Rajah dan Norma Nordin telah menggunakan media fotografi dan cetakan digital (BSVN, 2004).

Karya-karya seperti ini menurut Mulyadi, (2003) boleh dipertikaikan sebagai karya cetakan asli kerana mengaburkan definisi dan etika penghasilannya. Walaupun tujuan berkarya untuk memperluaskan kemungkinan baru dalam pengolahan tatabahasa visual seni cetak, hilangnya batasan dalam mentakrifkan seni cetak hanya akan merugikan bidang itu sendiri. Mulyadi seterusnya menyarankan agar pengertian serta etika menghasilkan seni cetak asli sewajarnya dipertahankan di samping menggunakan kemajuan teknologi sebagai pengukuhan dalam proses pengkaryaan.

Menjelang 1990an menyaksikan lebih banyak karya seni cetak dihasilkan oleh artis yang telah terkenal serta artis golongan pelajar institusi seni halus. Karya-karya seni cetak dapat dikesan melalui aktiviti berpameran yang kebanyakannya secara berkumpulan. Beberapa siri pameran seni cetak telah diadakan, antaranya ‘Contacts in Prints’(1992), Pameran ‘Alternative Prints’(1995), Pameran ‘Step by Step’ di Pelita Hati Art Gallery (1995), Pameran GRAFIKA(1996), Pameran British in Print/Print in Malaysia (2005) di BSLN, Pameran Rentas Sempadan (2007) dan Pameran Antarabangsa Seni Cetak Penang (PIPE 2010) di Balai Seni Lukis Pulau Pinang serta Pameran ‘GoBlock’ (2009) di Galeri Petronas.

Pameran ‘Alternative Prints’ 1995 di Galeri Petronastelah menampilkan kepelbagaian idea dan eksperimentasi yang dipupuk daripada pendidikan seni cetak serta pengaruh seni cetak global. Kebanyakan karya yang dipamerkan

menguji pendekatan berbeza dari segi pengolahan, penggunaan medium dan persembahan yang membuka batasan definisi cetakan tradisi. Pameran GRAFIKA, 1996 yang disertai oleh tiga artis seni cetak terkenal yang diantaranya ialah Juhari Said yang bereksperimen dengan pelbagai bahan campuran. Begitu juga dengan Pameran British in Print/Print in Malaysia, 2005 menyaksikan pelbagai artis yang berlainan disiplin seni rupa, berkarya dengan pengucapan seni cetak mengikut kefahaman mereka. Pameran ‘GoBlock’, 2009 yang disertai oleh lima artis cuba mentafsir konsep seni cetak ‘tanpa blok’ dengan pengolahan ‘matrik’ melangkau batas sempadan seni cetak tradisi. Manakala pameran terbuka peringkat internasional seperti pameran Rentas Sempadan (2007) dan Pameran Antarabangsa Seni Cetak Penang (PIPE 2010) kebanyakan karya masih terikat dengan bentuk dua dimensi bagi mematuhi syarat pameran yang terdiri daripada seni cetak konvensional dan kontemporari.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pemerhatian terhadap kajian literatur, perkembangan seni cetak tanahair boleh dikategorikankan kepada dua mengikut sempadan waktu yang agak ketara iaitu seni cetak dalam kategori konvensional (dulu) dan kontemporari (kini). Seni cetak konvensional yang dihasilkan oleh artis tempatan boleh dikatakan bermula sekitar tahun 1930an hingga ke era pasca merdeka (sekitar tahun 1970an) walaupun masih terdapat artis yang tetap setia dengan media konvensional sehingga kini. Tahun 1980an boleh dianggap permulaan kepada seni cetak kontemporari yang terus diaplikasi hingga kini. Perbincangan daripada hasil dapatan kajian seni cetak ‘dulu’ dan ‘kini’, lebih menjurus kepada persoalan bentuk dari segi pengolahan media dan teknik serta pengaruhnya bagi memberi terma/istilah teknikal yang tepat kepada karya-karya seni cetak Malaysia.

### Seni Cetak ‘Dulu’ di Malaysia

Seni cetak yang dihasilkan oleh artis tempatan boleh dianggap bermula sekitar tahun 1930an dengan menggunakan mediakonvensional yang telah ditetapkan proses penghasilannya. Jadual 1 menjelaskan media dan medium seni cetak konvensional berdasarkan kajian literatur.

**Jadual 1: Media dan Medium Seni Cetak Konvensional**

MEDIA	Relief (Timbulan)	Intaglio (Benaman)	Lithography (Litograph)	Screen printing (Serigraph) (cetakan skrin)	Monotype (Monotaip)
MEDIUM	-Woodcut -Wood engraving -Linocut -Chine-colle Collagraph	Etching (aquatint, sugar-lift, photo etching) Engraving (Drypoint, mezzotint) Collagraph	-Stone lithography -Zink plate Lithography -Polyester plate lithography	-cut stencils -direct stencils -drawn & painted stencils -photographic stencils	-Painterly monotype -Mask & stencil monotype

Karya seni cetakilustrasi Abdullah Ariff “Penang Glorious Holidays Abroad” yang dihasilkan pada 1935 menggunakan cetakan sutera saringatau cetakan skrin boleh dianggap seni cetak pertama oleh artis Malaysia. Abdullah Ariff juga banyak menghasilkan cetakan lino (linocut) pada 1936 untuk penerbitan majalah. Kaedah cetakan skrin digunakan kerana media ini mudah untuk dibuat edisi bagi tujuan komunikasi kepada masyarakat.

Sehingga tahun 1950an karya seni cetak oleh artis tempatan kelahiran Akademi Nanyang muncul dengan medium cungkilan kayu seperti karya “Pertunjukan Boneka” (1955) oleh Lim Mu Hue. Medium ini terus popular dikalangan artis Nanyang sehingga 1960an bagi mengambarkan aktiviti sosial dan politik semasa yang dipengaruhi oleh gaya seni cetak dari tanah besar China.

Penghujung 1950an hingga 1960an menyaksikan banyak karya seni cetak dihasilkan oleh artis tempatan yang tamat pengajian dalam bidang seni halus dari luar Negara. Pengaruh gaya seni rupa barat jelas dilihat melalui karya-karya mereka sehingga awal 70an menggunakan medium konvensional seperti gurisan asid, cungkilan kayu dan lino, litografi, sutera saring dan monotaip. Mereka menggunakan hampir setiap media seni cetak konvensi tersebut. Contohnya Lee Joo For, karya “Burung dan Ikan” (1959) menggunakan medium cungkilan kayu berwarna dengan gaya semi abstrak. Karya “Kejadian Manusia” (1963), pula menggunakan medium gurisan asid sedangkan karya “Penghidupan yang Pasti” (1964) diolah menggunakan potongan kayu gaya surealis.


Tahun 1970an pula menunjukkan penggunaan medium konvensional kekal popular dengan lebih ramai artis tempatan muncul terutamanya generasi keduanya yang belajar seni cetak dari luar Negara, artis muda yang lahir daripada institusi seni tempatan, artis-artis self-taught, pendedahan daripada kumpulan seni seperti Anak Alam dan galakan berkarya menerusi pertandingan dan aktiviti berpameran. Pengaruh gaya barat masih diterapkan namun penekanan kepada tema berkaitan isu-isu jati diri dan identiti tempatan menjadi idea utama oleh kebanyakan artis, hasil daripada Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971. Sebagai contoh ialah karya Sulaiman Esa “Waiting for Godot I” (1977) dengan gurisan asid yang membawa isu konflik nilai Timur Islam dengan Barat.

## **Seni Cetak ‘Kini’ di Malaysia**

Sekitar 1980an terdapat banyak karya yang menggunakan medium seni cetak dalam pengolahan yang berbeza daripada seni cetak konvensional. Pengolahan tatabahasa visual seni cetak juga turut diberi pengertian yang lebih terbuka dan bersifat konsepsual. Era pluralis dipersada pasca modenisme global telah membuka banyak ruang serta kebebasan untuk artis berkarya tanpa dikongkong oleh batasan perngertian bentuk seni. Namun sebagai artis yang berinovatif, medium seni cetak sepatutnya menjadi perhubungan yang dinamik terhadap eksplorasi kreatif serta sebagai cara pengucapan sebenar artistik dan ekspresi seni yang unik dan tersendiri agar keterujaan atas nama ‘kontemporari’ tidak menghanyutkan ‘seni cetak’ dalam arus seni visual secara umum.

Bagi memudahkan perbincangan, contoh-contoh karya seni cetak kontemporari Malaysia diteliti berdasarkan pengertian istilah seni cetak kontemporari barat seperti yang diringkaskan dalam ilustrasi 1.

### Ilustrasi 1 Hubungkait Istilah Seni Cetak Kontemporari



### Seni Cetak Alternatif & Extended Printmaking

Kedua-dua istilah ini merangkumi jenis-jenis seni cetak kontemporari yang lebih khusus seperti seni cetak campuran, digital, hibrid, 3-dimensi dan instalasi. Paling asas bagi istilah ini apabila salah satu ‘matrix’ atau ‘substrate’ bagi mana-mana medium diganti dan diperluaskan kepada bahan atau cara persembahan yang lain daripada disiplin konvensional. Contohnya karya oleh Bahaman Hashim “D.I.Y.” (1995) menggunakan medium cetakan skrindi atas Polyester Fabric, karya Raduan Man “Ladybugs II”(2005)cungkilan kayu atas kanvas dan Shahrul Jamili “Returning in kind”(2008)mengaplikasikan bu jari sebagai matrix yang dicetak di atas kertas.

### Seni Cetak Campuran

Karya seni cetak ini adalah hasil gabungan media-media seni cetak yang berbeza dan mendominasi media lain jika digabung bersama. Karya Lee Kian Seng bertajuk “Shoot! Shoot! Beng! Beng!” (1970), adalah contoh campuran media cetakan skrin dengan pelbagai media catan. Karya Mazlan Karim “Zam-Zam Ala Kazam” (1994) hanya mengabungkan medium Woodcut & Stencil. Manakala karya Kim Ng “Once Upon a time” (2005) mengabungkan pelbagai media yang berbeza seperti silkscreen, collograph, woodblock, object print, collage dan bitumen.

### Seni Cetak Digital

Ismail Zain yang terkenal dengan medium digital seperti “Al Rumi” (1986), boleh diterima sebagai seni cetak digital kerana konsep ‘matrix’ sebagai software yang boleh dicetak oleh pencetak berulang kali dengan kualiti yang sama. Contoh-contoh lain adalah seperti karya Narajan Rajah “Telinga Keling” (1999) dan karya

Chong Kean Foong “Facade 1” (2010).

### **Seni Cetak Hibrid**

Lanjutan daripada penggunaan media digital atau fotografi yang digabung dengan media seni cetak konvensional melahirkan istilah Hibrid seperti karya Jamil Mat Isa “Portret Series #1” (1995) yang mengabungkan teknik manipulasi fotografi bersama cetakan skrin. Karya Rosiah Md. Noor “Instant” (2010) pula mengabungkan medium linocut di atas seni cetak digital.

### **Seni Cetak 3 Dimensi**

Karya Mumtaz Mokhtar “Birthday 1” (1995) menggunakan medium cetakan skrin yang kemudiannya dibentuk dan dipersembahkan sebagai objek 3-D. Manakala karya Alzhan Tahir “Going” (2008) mengabungkan bahan paper pulp bersama medium linocut atau kertas buatan tangan memberi kesan timbulan. Berbeza dengan karya Hasrul Mazran Rusli “Maksud dan Pembayang” (2005) menggunakan bahan simen serta karya-karya Juhari Said dalam siri Okir (2009) dengan bahan kayu, telah menjadikan ‘matrix’ seni cetak sebagai persembahan 3-dimensi.

### **Seni Cetak Instalasi**

Karya Lee Kian Seng “Process in Poker Game” (1975) dan Ponirin Amin “Alibi Catur di Pulau Bidong” (1980) tidak dikategorikan sebagai media cetakan pada zaman itu kerana ia dicatat sebagai media campuran. Namun demikian, dengan mengambil kira latarbelakang disiplin seni kedua-dua artis ini serta melalui pemahaman konsepsi seni cetak kontemporari, karya tersebut dari segi persembahannya boleh digolongkan sebagai seni cetak instalasi. Karya Zulkifli Yusof “The Power II” (1991) dan “The Planter’s Wife” (2009) adalah antara contoh lain seni cetak instalasi.

## **KESIMPULAN**

Menerusi pemerhatian terhadap kelompok seni cetak ‘dulu’ dan ‘kini’, terdapat dua kategori artis seni rupa yang menggunakan media seni cetak. Pertama yang menjadikan media seni cetak sebagai minor atau salah satu media selain catan dan arca dalam aktiviti berkarya. Mereka ini samada menghasilkan seni cetak kerana tujuan tertentu seperti berpameran yang bertemakan media seni cetak atau menjadikan seni cetak salah satu disiplin penerokaan, seperti Latiff Mohiddin, Lee Kian Seng, Lee Joo For dan Long Thein Shih. Terdapat artis-artis yang menjadikan medium seni cetak sebagai media eksperimentasi dengan media lain seperti catan, arca atau seni media baru seperti Ibrahim Hussain, Ismail Zain, Zulkifli Yusof dan Raduan Man.

Kategori kedua adalah golongan artis yang menjadikan medium seni cetak sebagai media utama seperti Ilse Noor dan Mansor Ibrahim yang setia dengan

media konvensional hingga kini. Segolongan daripada kategori kedua ini pula mengaplikasikan medium seni cetak dalam konteks baru menjurus kepada istilah seni cetak kontemporari. Mereka seperti Loo For Sang, Ponirin Amin, Juhari Said, Jamil Mat Isa, Kelvin Chap, Kim Ng, Izan Tahir, Sharul Jamili, Faizal Suhif, Fauzi Sedon, Wan Jamarul, Rosiah Md Noor dan Mumtaz Mohtar.

Perbezaan kategori ini dijusifikasi kepada aplikasi medium yang digunakan mengikut ‘niat’ dalam berkarya yang sepatutnya berkaitan dengan makna yang hendak disampaikan. Samada peratusan medium yang diaplikasi dalam karya adalah ‘banyak’ atau hanya ‘sedikit’ atau tanpa kesedaran oleh kebanyakkan artis seni rupa kini, fenomena ini dikira petanda positif bahawa ‘seni cetak’ tidak dipinggirkan malah terus popular digunakan dalam kontek baru. Karyakarya yang menggunakan medium seni cetak walau apa jua bentuk, jika diberi pendedahan kepada masyarakat dengan jelas mengapa pendekatan tersebut diambil dan bagaimana ianya mencapaimaksud tersirat, sudahpasti dapat memberi sumbangan yang bermakna terhadap seni cetak Malaysia masa kini.

## RUJUKAN

- A. Rahman M. (2010). Studio Cetak Terbuka: Sebuah Jawapan bagi Pemesanan Perkembangan
- Seni Cetak di Malaysia. dlm. Mohd Kipli A. Rahman (ed). Isu-isu dalam Seni Kontemporari Malaysia. Pulau Pinang: Penerbitan USM.
- Ahmad Suhaimi M. N. (2008). Warkah Berlukis Malaya. Dalam Susurmasa: Seni Lukis Malaysia Bersama 50 Tahun Balai Seni Lukis Negara. Kuala Lumpur: BSLN.
- Ayres, J. (1991) Monotype: Mediums and Methods for Painterly Printmaking. New York: Watson-Guptill Publications.
- BSVN. (2004) Inventori Himpunan Tetap Warisan Seni Tampak Negara 1958-2003. Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara.
- BSVN (2008) Katalog Pameran “Koleksi Saya-Rahime Harun”. Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara.
- Bonnell, M. & Mumberson, S. (2008), Printmaking On A Budget. London: A & C Black.
- Coldwell, P. (2010). Printmaking- A Contemporary Perspective. London: Black Dog Publishing.
- Dawson, J. (2004) The complete Guide to Prints & Printmaking Techniques and Materials. London: Quantum Books.

- Juhari S. (2008). AP Studio. dlm Katalog Pameran “Koleksi Saya-Rahime Harun”. KL:BSVN.diambil dari, [http://www.juharisaid.com/essays/ap\\_studio.html](http://www.juharisaid.com/essays/ap_studio.html) pada 2 Disember 2013.
- Lazzari, M. & Schlesier, D. (2008).Exploring Art: A Global Thematic Approach. 3rd ed. USA: Thomson Wadsworth.
- Long, T. S. (1992). Contacts in Prints: Why Printmaking? In IMPRESSIONS- Contacts in Prints, Katalog Pameran Seni Cetak oleh Artis Perancis & Malaysia. 8-20 Ogos 1992.Galeri Shah Alam, Selangor.
- Long, T. S.(1993). Kedudukan Seni Cetak Dalam Dekad 70-an. Dlm. Katalog PameranKomunikasi Melalui Grafik – Seni Cetak. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Mulyadi M. (2003). Seni Cetak Kontemporer Malaysia.Artikel dalam Dewan Budaya, Julai 2003, diambil dari[http://juharisaid.com/essays/seni\\_cetak.html](http://juharisaid.com/essays/seni_cetak.html) pada 28 November 2013.
- Mulyadi M. (2007). Modern Malaysian Art. Malaysia: Utusan Publications & Distributors
- Noyce, R. (2010). Critical Mass-Printmaking Beyond the Edge. London: A & C Black.
- Nur Hanim K. (2013). Di Sebalik Tabir Anak Alam. Dlm. Nur Hanim Khairuddin, Beverly
- Yong & T.K. Sabapathy (Eds). (2013). Reaksi-Strategi Kritikal Baru, Naratif Seni Rupa Malaysia. Jilid 2. Kuala Lumpur: RogueArt.
- Pakhruddin S. (2008) Sang Pemburu Mimpi. Dlm.Katalog Pameran “Koleksi Saya-RahimeHarun”. Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara.
- Phillips P. & Robb T. (2004). Modern and Contemporary Prints. UK: Antique Collectors'Club.
- Piyadasa, R. (2000). Rupa Malaysia: Meninjau Seni Lukis Moden Malaysia. Kuala Lumpur: National Art Gallery.
- Ponirin A. (1996). Pengenalan. Dlm. GRAFIKA – Katalog Pameran Seni Grafik. Kuala Lumpur: Pustaka Cipta.

Ragans, R. (1995). Art Talk. 2nd ed. Ohio: Macmillan/McGraw-Hill.

Sarah N. (2012). Woodcut in printmaking – An Immersive Tale of Time. Dlm. The Single Leaf-Woodblock Printmaking. Singapore: Nanyang Academy of Fine Arts.

Simmons, R. (2002). Dictionary of Printmaking Terms. London: A & C Black Publisher.

Stobart, J. (2001) Printmaking for Beginners. New York: Watson-Guptill Publications.

Tala, Alexia. (2009). Installations and Experimental Printmaking. London: A & C Black.

\_\_\_(2011) Oxford Student's Dictionary. 2nd Ed. Selangor: Oxford Fajar.